



# Berita UniMAP

## **SENTUHAN GEMILANG BIMBING PELAJAR PEROLEH KEPUTUSAN TERBAIK**

**KANGAR** - Dalam usaha meningkatkan prestasi akademik ke arah yang lebih gemilang, Program Sentuhan Gemilang dilihat dapat membantu para pelajar program Matrikulasi Kolej MARA Kuala Nerang memperoleh keputusan cemerlang.

Program Sentuhan Gemilang Siri III anjuran Kolej MARA Kuala Nerang dengan kerjasama Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah diadakan pada 8 hingga 10 Januari 2010 di Dewan Serbaguna Kampung Wai, Kuala Perlis.

Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato' Prof. Dr Kamarudin Hussin berkata seramai 80 peserta dari Kolej MARA Kuala Nerang bakal mengikuti program itu dan pada siri sebelum ini turut dilakukan di UniMAP berikutnya Kolej tersebut merupakan kolej angkat UniMAP.

"Para pelajar akan diberikan pendedahan dalam pelbagai aspek rohani, jasmani, emosi dan intelek dalam usaha meningkatkan pengurusan diri bagi mencapai kecemerlangan dalam akademik," katanya.

Menurut beliau para pelajar ini akan didedahkan dengan pelbagai aktiviti seperti Bengkel Matematik, Fizik dan Kimia, Latihan dalam kumpulan, Ceramah serta seminar.

"Program yang direncanakan berlangsung di UniMAP ini bertujuan memberikan pendedahan kepada para pelajar ini untuk merasai suasana kampus seperti di UniMAP dan secara tidak langsung memberikan semangat dan galakan untuk berusaha melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi," katanya.

